

BORANG RANCANGAN PELAKSANAAN AMALI MINGGUAN KKB

----- CONTOH BAGAIMANA BORANG DISEDIAKAN -----

Nama Fasilitator :
 Kod dan Nama Kursus :
 Kumpulan :
 Semester dan Sesi :
 Tarikh dan Masa :

***Borang ini perlu disediakan oleh fasilitator sebelum pengajaran dijalankan setiap minggu.**

Minggu 1 : *Ice Breaking* dan Pengenalan Kursus

1. Fasilitator memperkenalkan diri kepada pelajar. (5 MINIT)
2. Peraturan kelas: kehadiran, etika berpakaian, larangan penggunaan telefon bimbit semasa kelas. (5 MINIT)
3. Pengenalan kursus kokurikulum berkredit dan 7 Kemahiran Insaniah. (10 MINIT)
4. Lukisanku: (1 JAM)
 - Pelajar diberikan sehelai kertas seorang dan diminta melakar rupa kawan di sebelah menggunakan tangan yang bukan selalu digunakan untuk menulis. Selepas itu, tunjukkan kepada rakan disebelah dan Fasi akan panggil beberapa pelajar untuk komen dan apa perasaan mereka terhadap lakaran wajah mereka.
5. Bursa Saham: (1 JAM)
 - Setiap pelajar akan diberikan nilai saham mereka sendiri. Fasi akan umumkan bursa saham ditutup merudum/naik dari biasa dengan nilai saham tertentu. Pelajar perlu mengumpulkan rakan-rakan mengikut harga saham yang telah diumumkan. Bagi yang tidak dpt berbuat demikian, pelajar tersebut akan terkeluar dari permainan.
6. Pelantikan AJK Kelas : (30 MINIT)
 - Fasilitator meminta pelajar memilih Ketua Kelas, Timbalan Ketua Kelas, Setiausaha & Bendahari.
7. Tugasan untuk minggu hadapan: (10 MINIT)
 - Setiap kumpulan kecil diberi tugasan 1 Kemahiran Insaniah untuk dibentangkan semasa kelas Minggu kedua dan ketiga. Pelajar diminta mencari bahan-bahan melalui media atau internet dan pembentangan boleh dibuat dalam bentuk *power point* dan sebagainya. Selain itu, setiap kumpulan juga perlu mencari aktiviti/games yang berkaitan dengan KI yang telah diberikan. Laksanakan di dalam kelas selepas pembentangan. Waktu yang diberi untuk setiap kumpulan hanyalah sebanyak 15 minit untuk pembentangan dan laksana aktiviti/games.

LEARNING OUTCOMES:

- 1) Pelajar dapat kenal rakan2 sekelas sebelum meneruskan aktiviti2 kelas seterusnya.
- 2) Pelajar dapat mengetahui bagaimana kursus ini dinilai, bagaimana kursus ini bakal dikendalikan dan harapan fasilitator untuk memastikan objektif hujung semester dicapai.

DI SEDIAKAN OLEH :

.....

NAMA FASILITATOR: